



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

TALKING POINTS SIDANG MEDIA KHAS

1. Selaras dengan pengumuman yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri semalam, mulai esok, Selasa, 10 Ogos 2021, individu-individu yang telah lengkap vaksinasi akan dibolehkan untuk memanfaatkan beberapa kemudahan.
2. Kemudahan-kemudahan tersebut merangkumi **kemudahan berkaitan pergerakan dan kuarantin, kemudahan keagamaan, dan kemudahan berkaitan sosial.**
3. Kerajaan membenarkan kemudahan-kemudahan ini dengan berdasarkan pelaksanaan Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, serta Pelan Pemulihan Negara. Yang sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan ialah mengimbangi tiga faktor iaitu - kesihatan dan keselamatan rakyat; ekonomi rakyat dan kelangsungan perniagaan; dan terbaru - kesejahteraan rakyat.
4. Ini melibatkan soal kesihatan mental selepas terpaksa berada dalam situasi pandemik dalam tempoh yang agak lama. Dengan kebenaran untuk memanfaatkan beberapa kemudahan ini, Kerajaan mengharapkan rakyat khususnya mereka yang telah lengkap vaksinasi akan berasa sedikit lega. Inilah salah satu sebabnya kenapa Kerajaan membenarkan pelaksanaan kemudahan-kemudahan untuk mereka yang telah lengkap vaksinasi.
5. Ini merupakan suatu keputusan yang dibuat dengan berhati-hati, atau '*calculated and careful approach*' dengan mengambil kira manfaat yang akan diterima oleh seramai 3.97 juta individu di negeri-negeri Fasa 2 dan 3 yang telah mendapat dua dos vaksin sehingga semalam.
6. Kerajaan juga semestinya telah mengambil kira maklumbalas daripada semua *stakeholders* dalam sektor kesihatan, ekonomi dan sosial.
7. Kerajaan sedar ada kebimbangan yang timbul terutamanya susulan penularan varian-varian baharu seperti varian Delta. Kerajaan tentunya telah melakukan pemerhatian yang teliti mengenai perkara ini.
8. Ini termasuklah mengambil kira data-data penilaian risiko yang diperolehi Kementerian Kesihatan Malaysia. Salah satu dapatan yang penting, daripada jumlah kes jangkitan harian, 96% daripadanya berada dalam kategori satu dan kategori dua.
9. Ini menunjukkan, vaksin-vaksin yang dibekalkan kepada masyarakat di negara ini berkesan dalam membantu memberikan perlindungan terhadap kesan yang lebih memudaratkan.



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

10. Dengan pelaksanaan ini, langkah-langkah kawalan dan pencegahan mesti terus dilaksanakan dengan penuh disiplin dan bertanggungjawab. Ini termasuklah memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal dan menjaga kebersihan diri.
11. Pada masa yang sama, setiap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh agensi serta Kementerian berkaitan dalam membenarkan kemudahan-kemudahan yang diumumkan semalam juga mestilah dipatuhi dengan sebaiknya.
12. Saya percaya, rakyat Malaysia merupakan masyarakat yang bertanggungjawab dan kita semua akan mampu keluar bersama-sama daripada belunggu pandemik ini sedikit masa lagi.



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

A. PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) Lokaliti di Tawau, Sabah <ul style="list-style-type: none">• PPR Taman Sri Balung• PPR Taman Sri Titingan	11 Ogos 2021	24 Ogos 2021
2.	Kem 2 Tolokoson, Tenom, Sabah	11 Ogos 2021	24 Ogos 2021
3.	Kampung Kota Tuaran, Tuaran, Sabah	11 Ogos 2021	24 Ogos 2021
4.	Kampung Sarikan, Nabawan, Sabah	11 Ogos 2021	24 Ogos 2021
5.	Taman Sri Bayu, Tumpat, Kelantan	11 Ogos 2021	24 Ogos 2021
6.	Taman Meru 2B, Kinta, Perak	11 Ogos 2021	24 Ogos 2021
7.	23 lokaliti Perkampungan Orang Asli dalam daerah Batang Padang, Perak Mukim Chendering : Satu (1) lokaliti <ul style="list-style-type: none">• Kg OA Sg Lah Mukim Bidor : Tiga (3) lokaliti <ul style="list-style-type: none">• Kg Senta, Kg Chang dan Kg Sanding Mukim Sungkai : Satu (1) lokaliti <ul style="list-style-type: none">• Kg OA Menderang Mukim Batang Padang : 18 lokaliti <ul style="list-style-type: none">• Kg OA Batu 6, Kg OA Batu 14, Kg OA Batu 16, Kg OA Batu 17, Kg OA Batu 18 dan Kg OA Batu 19• Kg Kenderong, Kg Sg Rensa, Kg Sg Chendon, Kg Sg Odak, Kg Ampangan, Kg Pos Woh dan Kg OA Batu 7 & Batu 7 ½.• Kg Sg Bot Dalam, Kg Sg Bot Luar, Kg Sg Tidong, Kg Lubuk Gaharu dan Kg Woh Intake.	11 Ogos 2021	24 Ogos 2021

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini.



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

B. PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, PKPD akan **DILANJUTKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Sg Klau dan Sg Chalit, Raub, Pahang	10 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 11 Ogos 2021 sehingga 17 Ogos 2021
2.	Taman Kinarut Ria, Papar, Sabah	10 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 11 Ogos 2021 sehingga 24 Ogos 2021
3.	Tapak Bina IBN Highland, Genting Highlands, Bentong, Pahang	10 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 11 Ogos 2021 sehingga 24 Ogos 2021



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

C. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Mananam, Tongod, Sabah	27 Julai 2021	Ditamatkan pada 9 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Pagar Batu 6, Penjom, Lipis, Pahang	28 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Kauran, Keningau, Sabah	28 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
4.	Kawasan Sekitar Kampung Patikang Ulu, Keningau, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Patikang Ulu• Kilang & Kuarters Focus Lumber• Kilang & Kuarters Veracity• Kilang & Kuarters Hasil Jadi• Pusat Memandu IDA• Penempatan Warga Indonesia	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
5.	Perumahan Ladang Pontian Kuril, Kinabatangan, Sabah	28 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
6.	Tiga (3) Perkampungan di Sipitang, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Menengah• Kampung Buang Sayang• Kampung Pasir Putih Sipitang	28 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
7.	Kampung Mostyn Lama, Kunak, Sabah	28 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

8	Kampung Tawadakan, Kota Belud, Sabah	28 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
9	Kampung Madsiang, Penampang, Sabah	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
10.	Kampung Telaga Tujoh, Labok, Machang, Kelantan	28 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
11.	FELDA Maokil, Muar, Johor	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 10 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

D. PEMERIKSAAN OLEH PASUKAN TASK FORCE OPERASI PEMATUHAN YANG DIKETUAI POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Semalam, **8 Ogos 2021**, Pasukan *Task Force* Operasi Pematuhan dengan kekuatan **18,153** anggota telah melaksanakan **82,534** pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 bagi memantau serta menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) di seluruh negara.

i. Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Ekoran **KEGAGALAN** mematuhi SOP, sebanyak **38** premis **DIARAHKAN TUTUP** serta merta.

Maklumat am pemeriksaan pada 8 Ogos 2021:

JENIS PEMERIKSAAN	JUMLAH
Kilang	1,806
Premis perniagaan	14,016
Tapak pembinaan	650
Asrama penempatan pekerja	179

ii. Individu

Maklumat am pemeriksaan pada 8 Ogos 2021:

PERKARA	JUMLAH
Jumlah individu yang dikompaun kerana ingkar SOP	281
Jumlah individu yang direman kerana ingkar SOP	25



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

E. KAWALAN SEMPADAN NEGARA

i. Tangkapan terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

Semalam, **8 Ogos 2021**, Operasi BENTENG (Op BENTENG) yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan agensi-agensi lain **telah membuat tangkapan terhadap 28 orang PATI dan merampas 7 buah kenderaan darat.**

ii. Sekatan Jalan Raya (SJR)

Semalam, **8 Ogos 2021**, sebanyak **909** SJR telah dilaksanakan di seluruh negara.

Maklumat am SJR:

JENIS OPERASI	JUMLAH SJR
Operasi PENAWAR / SJR PKP	855
Operasi BENTENG (PDRM/ATM/RELA)	45
Operasi BENTENG AKSEM	9

F. KUARANTIN WAJIB BAGI INDIVIDU YANG TIBA DARI LUAR NEGARA

PERKARA	JUMLAH
Jumlah individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa semalam, 8 Ogos 2021	846
Jumlah kumulatif yang telah pulang ke tanah air sejak 24 Julai 2020	266,438
Jumlah yang masih dikuarantin di Pusat Kuarantin Wajib	10,217
Jumlah kumulatif yang dibawa ke hospital	3,893
Jumlah kumulatif yang telah dibenarkan pulang	252,328

*** Kuarantin wajib dilaksanakan di 83 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.*



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

G. OPERASI DISINFEKSI COVID-19

PERKARA	JUMLAH
Jumlah operasi disinfeksi semalam, 8 Ogos 2021	180 (72 Zon Merah, 1 Zon Jingga, 0 Zon Kuning) <i>*1 zon boleh lebih daripada 1 operasi</i>
Jumlah kumulatif operasi disinfeksi sejak 30 Mac 2020	37,404

*** Operasi disinfeksi dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Pihak Berkuasa Tempatan di pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.*

H. BARANG KEPERLUAN ASAS

Semalam, **8 Ogos 2021**, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat **883** pemantauan khas harian ke atas **10** jenis bekalan barangan keperluan asas terdiri daripada **peruncit (700)**, **pemborong (150)** dan **pengilang (33)**.

KPDNHEP juga telah melakukan **2,855** pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, **semua premis mematuhi SOP**.

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota penguatkuasa KPDNHEP di peringkat peruncit dan pemborong mendapati **bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi**.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

9 OGOS 2021